

12/03/1999

Rakyat Sabah mula mengundi hari ini

KOTA KINABALU, Khamis - Seramai 19,814 pemilih akan mengundi di enam kawasan pedalaman pada hari pertama pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah kesembilan, esok.

Mereka adalah sebahagian daripada 726,690 pengundi berdaftar di seluruh Sabah. Bakinya menunaikan tanggungjawab masing-masing Sabtu ini.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap di Kudat, kira-kira 230 kilometer dari sini, meminta penduduk Sabah yang layak mengundi menunaikan tanggungjawab mereka dan memilih Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, tanggungjawab mengundi amat penting bagi memastikan semua calon BN mencapai kejayaan besar untuk membentuk kerajaan di Sabah.

"Kalau boleh semua orang keluar mengundi. Kalau boleh 100 peratus mengundi. Yang tua boleh didukung untuk datang ke tempat mengundi.

"Kita nak undi yang cukup besar bagi membolehkan calon BN menang di semua kawasan pilihan raya," katanya di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Tamu Rungus, hari ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; calon BN kawasan Kudat, Datuk Chong Kah Kiat; calon BN di Matunggong, Datuk Markus Majihi dan calon BN di Banggi, Datuk Amir Kahar Tun Mustapha.

Dr Mahathir juga berjanji kepada lebih 3,000 penyokong BN dari Tandek, Matunggong, Kudat dan Bangkoka yang menunggu kehadirannya di sini sejak awal pagi, bahawa semua wakil rakyat BN akan bekerja kuat membangunkan Sabah.

"Saya jamin mereka akan bekerja kuat dan berkhidmat kepada rakyat kerana tujuan mereka dipilih adalah untuk mendirikan kerajaan baru di Sabah," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat akan bekerjasama rapat dengan kerajaan BN Sabah serta menyalurkan segala bantuan yang diperlukan.

"Sebab itu, bagilah sokongan kepada BN dengan mengundi dacing untuk memberi kemenangan kepada calon BN.

"InsyaAllah, rakyat tidak akan berasa terkilan atau rugi apa-apa kerana memilih BN. Kita mampu memberi apa yang diperlukan untuk membangunkan negeri ini," katanya.

Beliau mengingatkan rakyat Sabah, sebarang kesilapan dalam membuat pilihan hanya merugikan kerana Kerajaan Pusat sukar untuk bekerjasama dengan parti pembangkang.

Perdana Menteri juga membidas Parti Bersatu Sabah (PBS) kerana mengeluarkan pelbagai kenyataan negatif dan palsu berhubung kerajaan dan pemimpin BN bagi tujuan memenangi pilihan raya kali ini.

Menurutnya, ada tuduhan kononya beliau diberi tanah di Keningau semasa lawatannya ke daerah itu baru-baru ini.

"Saya minta kepada PBS supaya jangan bisik-bisik perkara yang sebegini besar. Kalau benar saya dapat tanah, saya minta (Datuk Joseph) Pairin (Kitingan) buat kenyataan secara terbuka kepada rakyat bahawa Dr Mahathir dapat tanah di Keningau.

"Tak usahlah pergi ke kampung dan cerita perkara yang tidak benar kepada orang ... hanya untuk menghasut dan menimbulkan rasa kebencian terhadap saya, sedangkan saya hanya hendak menolong," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, janji untuk memberi wang selepas pilihan raya seperti dilakukan oleh pembangkang, bukan cara untuk menyelesaikan masalah

rakyat.

"Ada yang berjanji untuk memberikan RM300 kepada setiap rakyat jika mereka memerintah nanti. Ini bukan caranya hendak memenangi pilihan raya kerana pemberian duit bukan menyelesaikan masalah rakyat.

"BN tidak akan memberi wang, tetapi pembangunan yang boleh meningkatkan martabat bangsa untuk masa depan. Kita memikirkan pembangunan jangka panjang," katanya.

Sementara itu, sebanyak 64 pusat pengundian dibuka di kawasan DUN Banggi, Sindumin, Pensiangan, Sugut, Kuamut dan Kalabakan, mulai esok.

Bagi kawasan DUN Banggi, pengundian hanya diadakan sehari, manakala di lima lagi kawasan, ia diadakan secara berperingkat esok dan lusa.

Pegawai Pilihanraya Negeri, Abdul Hamid Ali, berkata pada hari kedua pengundian, 693,580 pemilih akan mengundi di semua 47 DUN, termasuk 13,296 pengundi pos yang sudahpun mengundi sejak Sabtu lalu.

Sebanyak 544 pusat pengundian dibuka pada hari kedua pengundian.

Berdasarkan rekod pilihan raya negeri 1994, peratus pengundi keluar mengundi di Sabah adalah antara yang tertinggi di negara ini iaitu daripada 65 hingga 85 peratus.

Sementara itu, beberapa kawasan di Sabah diramalkan mengalami cuaca mendung dan hujan pada hari pertama pengundian.

Pegawai Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Sabah, Robert Balandi, berkata untuk tempoh dua hari itu, antara 10 dan 30 peratus kawasan Sandakan dan Tawau dijangka mengalami cuaca mendung pada waktu pagi, manakala kawasan lain cerah.

"Pada petang pula, kira-kira 20 hingga 40 peratus bahagian pantai Barat dan pedalaman diramalkan mengalami hujan sementara dan ribut petir pada lewat petang. Kawasan lain cuaca baik," katanya ketika diminta mengulas keadaan cuaca di negeri ini menjelang hari pengundian.

(END)